

10 AUG 1998

DUN-Singapura

DUN SELANGOR LULUS USUL SOKONG KEKALKAN KIK DI TANJONG PAGAR

SHAH ALAM, 10 Ogos (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Selangor yang bersidang hari ini meluluskan usul menyokong kerajaan Malaysia mengekalkan pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantinnya (KIK) di Tanjong Pagar, walaupun Singapura meminta supaya ia dipindahkan ke Woodlands.

Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar ketika membentangkan usul itu berkata masanya telah tiba untuk Malaysia mengkaji semula secara menyeluruh pendekatannya terhadap Singapura jika tidak mahu sikap baik negara diambil mudah.

Beliau berkata Selangor menyokong penuh kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani isu itu, iaitu jalan penyelesaian terletak dalam tangan Singapura kalau ia mahu menyelesaikannya.

"Malaysia perlu mengkaji semula semua urusan dengan Singapura supaya ia dapat dipusatkan dan satu strategi yang komprehensif dapat diadakan," katanya di Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Hubunga Malaysia dengan Singapura mulai tegang apabila Malaysia enggan memindahkan KIK ke Woodlands pada 1 Ogos lepas.

Abu Hassan berkata Selangor amat kesal dengan sikap Singapura yang tidak membalas pendekatan positif, layanan istimewa dan sikap tolak ansur yang dipraktikkan oleh Malaysia.

Beliau berkata kerajaan Selangor menjuruskan supaya aspek undang-undang dan peraturan digunakan dalam mengawal operasi pegawai-pegawai Singapura di wilayah Malaysia sebagaimana Singapura melakukannya terhadap pegawai Malaysia di Singapura.

"Malaysia telah membenarkan agensi-agensi, jabatan serta kementeriannya berurusan secara terus dengan Singapura dalam banyak perkara," katanya.

Usul itu mendapat sokongan penuh Dewan Undangan Negeri selepas dibahaskan oleh enam ADUN termasuk anggota DAP dari Damansara Utama, Dr Oon Hong Geok.

Bagaimanapun Teng Chang Khim (DAP-Bukit Gasing) ketika membahaskan usul itu telah membangkangnya dan menimbulkan kekecohan hingga diarahkan keluar Dewan oleh Speaker.

-- BERNAMA

AZH RI